

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 2 APRIL 2018

SOALAN :

YB Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di akhir-akhir ini ada di kalangan rakyat menggunakan mahkamah untuk campur tangan dalam bidang kuasa eksekutif. Terdapat juga mereka yang menggunakan mahkamah untuk mencampuri urusan perjalanan dewan. Bolehkah Perdana Menteri memberi penjelasan prinsip-prinsip pembahagian kuasa yang telah diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep pemisahan atau pengasingan kuasa adalah suatu doktrin yang mengesyorkan pengasingan antara tiga badan iaitu badan perundangan (*legislative power*), badan pentadbiran (*executive power*) dan badan kehakiman (*judicial power*). Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan yang dijangka akan wujud jika kuasa itu dipegang oleh suatu badan tertentu sahaja.

Sungguhpun konsep pengasingan kuasa antara perundangan, eksekutif dan kehakiman tidak disebut secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan, namun ia boleh dilihat secara tersirat khususnya melalui Bahagian IV (Bab 3 bagi Badan Eksekutif dan Bab 4 bagi Badan Perundangan Persekutuan) dan Bahagian 9 bagi Badan Kehakiman.

Kuasa perundangan terletak pada Parlimen yang mempunyai tugas untuk menggubal undang-undang. Kuasa eksekutif pula diletakkan pada Jemaah Menteri. Manakala kuasa Kehakiman pula terletak pada mahkamah bagi mentafsirkan undang-undang serta mendengar dan mengadili sesuatu pertikaian atau tuntutan dan kesemuanya diketuai oleh ke bawah duli Yang Dipertuan Agong selaku ketua bagi negara ini.

53

Setiap badan ini mempunyai kuasa masing-masing yang berbeza antara satu sama lain dan setiap daripadanya dilindungi daripada pencerobohan (*encroachment*) kuasa oleh yang lain. Prinsip pembahagian kuasa sememangnya telah diamalkan di negara ini semenjak merdeka dan prinsip tersebut adalah masih terpakai sehingga kini.

Sekian, terima kasih.